

Pelanggan yang dihormati,

Lembaran Maklumat Produk (PDS) ini memberikan anda maklumat penting tentang pembiayaan perdagangan anda. Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu, anda juga harus membacanya.

1 PEMBIAYAAN MODAL KERJA PERDAGANGAN-i (TWCF-i) JUALAN

TWCF-i (Jualan) adalah kemudahan untuk membiayai penjualan/ pengeksportan barangan perdagangan di dalam negara atau antarabangsa melalui Surat Kredit-i atau **Outward Bills for Collection-i (OBC-i)** atau atas dasar Akaun Terbuka. Ia membolehkan pembayaran dan pengurusan aliran tunai yang mudah bagi penjualan dengan terma kredit anda. Kadar pembiayaan terapung yang dikira secara harian akan dikutip oleh **Bank Islam** pada hari penggunaan kemudahan tersebut berdasarkan tempoh yang diminta oleh pelanggan.

Kontrak Syariah yang digunakan adalah Bai' Dayn (Penjualan hutang), iaitu penjualan hutang perdagangan/ hasil terimaan anda kepada **Bank Islam** pada jumlah diskaun. Kontrak Syariah sokongan lain yang digunakan ialah Ujrah ("yuran atau caj perkhidmatan").

2 KETAHUI KEWAJIPAN ANDA

Bagi pembiayaan ini, **sebagai ilustrasi:**

➤ Amaun Pembiayaan / Invois	=	RM704,000.00
➤ Tarikh Invois	=	30/06/2025
➤ Tarikh Penyerahan Permohonan	=	04/07/2025
➤ Tempoh Kemudahan	=	120 hari
➤ Tempoh Pembiayaan	=	116 hari
➤ Kadar Keuntungan Bank	=	5.33% setahun (*BFR ± Spread)
➤ Harga Beli Bank	=	RM695,672.93
➤ Margin Keuntungan Bank	=	RM8,327.07

Anda bertanggungjawab untuk:



Baca dan fahami **terma-terma utama** dalam **kontrak** sebelum anda menandatangani.



Pada tarikh matang, anda perlu menjelaskan **nilai hutang** kepada Bank setelah menerima pembayaran dari Pembeli anda.



Segera hubungi kami jika anda tidak dapat membayar pembiayaan anda.

*Kadar Pembiayaan Asas (BFR) dianggarkan pada 3.83% setahun manakala spread pad
Sila rujuk laman web **Bank Islam**
<https://www.bankislam.com/deposit-financing-rates/> untuk kadar BFR terkini.

Anda perlu membayar yuran dan caj berikut:

- I. Duti Setem:
 - a) Kemudahan: 0.5% daripada had kemudahan
 - b) Notis Penggunaan dan Nota Kontrak BB48: RM10 setiap penggunaan kemudahan.
 - c) Surat Indemniti: RM10 (jika berkenaan).
- II. SWIFT / caj Rentas (jika berkenaan).
- III. Caj lewat bayar: Amaun yang bersamaan dengan kadar harian pasaran kewangan Interbank Islam (IIMM) yang dikira ke atas baki tertunggak iaitu Harga Jualan tertunggak selepas ditolak Ibra' (jika ada).

Nota: Sila rujuk laman web kami di www.bankislam.com untuk maklumat lanjut mengenai yuran dan caj.

Jika anda berhasrat menyelesaikan pembiayaan lebih awal, anda perlu tahu:

Bank Islam boleh memberikan insentif kepada anda dalam bentuk pengurangan bayaran jika berlaku penyelesaian awal atau penebusan awal pembiayaan.

3 KETAHUI RISIKO ANDA

Apakah yang akan berlaku jika anda mengabaikan kewajipan anda:

- I. Anda perlu **membayar lebih secara keseluruhan** disebabkan oleh caj lewat bayar (caj ganti rugi/ Ta'widh).
- II. Kami boleh **menolak** wang daripada mana-mana akaun anda yang ada dengan kami bagi menolak selesai baki pembiayaan anda yang tertunggak.
- III. Kami boleh mengambil **tindakan undang-undang** terhadap anda.
- IV. **Skor kredit** anda mungkin akan terjejas menyebabkan kredit menjadi lebih sukar atau mahal kepada anda.
- V. Mencetuskan kemungkiran bersilang terhadap kemudahan lain dengan Bank Islam.

4 SYARAT UTAMA LAIN

- Maklumkan kepada kami mengenai sebarang perubahan dalam butiran perhubungan anda.
- Perlindungan Takaful adalah pilihan, namun begitu anda atau pembekal anda dinasihatkan untuk melanggan perlindungan Takaful yang sesuai.
- Sekiranya anda tidak memenuhi keperluan kredit minimum, kami mungkin memerlukan penjamin atau cagaran tambahan untuk membolehkan anda meneruskan proses penyerahan.
- Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit telah ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan pengurusan kewangan, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula pinjaman secara percuma kepada individu / Pemilik Tunggal / Perusahaan Kecil dan Sederhana.

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai produk kami, and boleh:



Hubungi kami di
+603-26 900 900



Layari kami di
<https://www.bankislam.com>



E-mel kami melalui
contactcentre@bankislam.com.my

Perakuan Pelanggan

(Perakuan pelanggan ke atas PDS ini tidak akan menjejaskan hak merayu (redress) pelanggan jika berlaku pertikaian seterusnya mengenai terma dan syarat produk).

Pastikan anda mengisi sendiri bahagian ini dan mengetahui tujuan anda menurunkan tandatangan.

- Saya mengakui Bank Islam telah memberikan kepada saya salinan PDS.
- Saya telah membaca dan memahami maklumat penting yang terkandung dalam PDS ini.

CONFIDENTIAL

Nama:
Data: